

Jika wau dipacu teraju, maka Islam dipandu wahyu. Bebas, namun tidak terbabas.

SOLUSI

Panduan
Hidup
Bersyariat

*Dakwah di
Amerika* 46

MOTIVASI
FARDU AIN 122

2019 • PP 15048/05/2013 (032162)



APABILA ISLAM LIBERAL

ISTIMEWA!
Peraduan kumpul
dan menang bersama
Solusi. Hadiah-hadiah
menarik menanti
anda!

*Solat
Tanpa
Arak* 86

KHALIFAH
Ir. Muhammad
Lukman al-Hakim
**LIBERAL YANG KIAN
NORMAL** 80

KRONOLOGI KIAMAT
Dr Mohd Yusuf
Ismail
ANTIHADIS
92

Sebuah terbitan
Telaga Biru



MAJALAH INI MENGANDUNG
AYAT SUCI AL-QURAN
PELIHARALAH KESUCIANNYA



ISSN. 1985-5400
00122 >
RM10.00 (SEM)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50
9 771985 540003
TELAGA BIRU SDN. BHD.





Zikir Fikir

● YANG TULUS & LURUS

Azrul Azlan

Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis *Indahnya Hidup Bersyariat* terbitan Telaga Biru.

Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com



Seronokkah Membawang dan Mendaging?

Istilah “membawang” semakin popular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ia bukan sekadar suatu istilah atau buah mulut golongan remaja, malah ia turut menjadi buah mulut orang dewasa dan kanak-kanak.

Istilah “membawang” bermaksud perbuatan menceritakan khabar atau hal yang buruk tentang seseorang di belakangnya atau dalam erti kata lain ia **bermaksud mengumpat**, mengata, mencela atau bergosip.

“Mak cik bawang” pula merujuk kepada golongan wanita yang datang untuk bergotong-royong membantu sesuatu majlis kenduri. Sambil duduk memotong bawang, sambil bergosip atau mengumpat tentang kehidupan bermula dari pada keluarga, jiran, rakan-rakan sehingga bergosip tentang artis dan ahli politik.

Budaya “Membawang”

“Mak cik bawang” umpama ikon bagi aktiviti “membawang” yang dilakukan. Pelbagai isu dikupas sehingga kerja-kerja mengopek dan memotong bawang selesai.

Aktiviti membawang dahulu berbeza dengan aktiviti membawang sekarang. Kini aktiviti **membawang** mula meresap dalam media sosial tanpa kawalan. Bahkan ia sudah menjadi trend semata-mata untuk memuaskan nafsu.

Apa pula maksud “**mendaging**”? Mungkin istilah “mendaging” belum terkenal seperti istilah “membawang”, namun ia adalah satu istilah yang boleh difahami bagi seseorang yang mengumpat dan mengata tentang saudaranya.

Istilah ini sebenarnya **digarap daripada ayat al-Quran** melalui firman Allah, mafhumnya:

“Janganlah kamu mengintip dan mencari kesalahan dan keibaian orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka pasti kamu jijik kepadanya.” (*Surah al-Hujurat* 49: 12)

“Mendaging” di sini bermaksud aktiviti mengumpat orang lain dan ia diumpamakan seperti memakan daging saudaranya yang telah mati.

Hakikatnya, “**membawang**” dan “**mendaging**” merupakan aktiviti yang membawa maksud yang sama iaitu perbuatan mengumpat, mencela, mengata dan bergosip. Kesemua perbuatan ini berpunca daripada hati nurani yang sakit.



Biasa: 3 minit 31 saat
Pantas: 0 minit 37 saat

PUNCA TERJEBAK + MEREBAK

Lemah Iman	Kurang mengambil berat terhadap hukuman Tuhan dan tidak cakna dengan dosa yang dilakukan. Akhirnya iman menjadi semakin lemah.
Hati yang sakit	Lemah iman boleh menyebabkan hati menjadi sakit. Kesannya, kita mula memandang kesilapan dan aib orang lain berbanding diri sendiri.
Hasad	Hati yang sakit menjadi sarang kepada sifat hasad. Sangkaan buruk akan mula menguasai minda, lalu kita tidak suka melihat kelebihan dan kebaikan yang ada pada orang lain. Apalagi, kita mula membawang dan mencipta pelbagai gosip tentang orang lain supaya kelebihan dan kebaikan yang ada pada mereka akan dilihat semakin menyusut.
Tidak merasai pengawasan Tuhan	Apabila iman lemah dan hati nurani mulai dijangkiti dengan titik-titik hitam, kita mula kabur daripada melihat pengawasan Tuhan dan para malaikat yang mencatat segala amalan. <ul style="list-style-type: none"> • Inilah yang disebutkan oleh Imam al-Nawawi ketika memetik firman Allah: "Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi." (<i>Surah al-Fajr</i> 89: 14) • "Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisiya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)." (<i>Surah Qaf</i> 50: 18)
Jahil	Kejahilan merupakan satu penyakit yang berbahaya. Ia juga merupakan antara sebab kita terjebak dengan aktiviti "membawang" atau "mendaging". Kita merasakan bahawa mengumpat itu tiada kesalahan dan tidak ada kesannya terhadap diri sendiri dan orang lain.
Masa tidak dimanfaatkan	Apabila punya banyak masa lapang dan tiada aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan, maka kita akan terdedah mencari rakan "sekepala" yang boleh "membawang" tentang isu-isu semasa yang berlaku.

"Membawang" dan "mendaging" merupakan aktiviti yang membawa maksud yang sama iaitu perbuatan mengumpat, mencela, mengata dan bergosip. Semuanya kerana berpunca daripada hati nurani yang sakit.

Melihat Diri Sendiri

Apabila menyebut tentang "membawang" atau "mendaging", kita bukanlah ingin melihat sifat negatif yang ada pada orang lain. Apabila Allah menggunakan ganti nama "kamu" pada ayat, "Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati?", itu tidak bermakna kita juga perlu melafazkan ganti nama yang sama (kami) apabila menyebut tentang perbuatan membawang.

Sifat "membawang" atau "mendaging" ini perlu dilihat sama ada ia telah meresap ke dalam diri kita sendiri ataupun tidak. **Jika sifat ini sudah menular dalam diri, maka hati perlu dibersihkan melalui taubat dan melakukan banyak kebaikan** dan ketaatan.

Nabi s.a.w. pernah berpesan: "Setiap anak Adam melakukan kesalahan dan sebaik-baik pelaku kesalahan yang banyak adalah mereka yang banyak bertaubat atas kesalahannya." (Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah)

TANDA KEBAHAGIAAN

1. Kebaikan yang dilakukan seolah-olah tidak berada di hadapan mata. Ini bermaksud kebaikan yang dilakukan tidak diperbesarkan.
2. Dosa dan keburukan yang dilakukan sering berada di hadapan mata. Ini bermaksud ia sering dilihat dan dikoreksi supaya dapat diperbaiki dan dihindari.
(Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Miftah Dar al-Sa'adah*)

ReSolusi

1 Sayangi Diri

Sibukkan diri melihat kelemahan dan keburukan sendiri, bukannya sibuk menjaga tepi kain orang. Rasailah bahawa diri kita ini terdapat kesilapan dan aib yang banyak.

2 Tingkatkan Empati

Meletakkan diri kita pada tempat orang yang diumpat. Lalu kita tanyakan pada diri sendiri: "Adakah aku reda dengan umpanan orang terhadap diriku?"

3 Perisai Diam

Bercakap hanya perlu. Kadangkala diam itu lebih indah. Nabi s.a.w. pernah berpesan pada kita: "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia mengatakan apa-apa yang baik atau sekadar berdiam diri." (*Muttafaq 'alaih*)

4 Jaga Aib

Menjaga dan menutup aib orang lain dengan tidak menyibukkan diri mengintip aib dan keburukan orang.

5 Elak Allah Murka

Ingatlah, mengumpat merupakan perbuatan yang boleh mengundang kemurkaan Allah!

6 Aktifkan Dirimu

Meluangkan waktu lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan boleh memberikan kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain demi mendekatkan diri kita dengan Allah. **S**